

10 MAR 2001

Ungku Aziz-Pertemuan

UNGKU AZIZ MAHU HURAIKAN KEPENTINGAN PERTEMUAN UMNO-PAS DLM RENCANA

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Prof Diraja Ungku Aziz yang pernah dicadangkan menjadi moderator rancangan debat antara Ketua Pemuda Umno dan PAS, tidak berapa lama dulu, mahu menulis sebuah rencana bagi menghuraikan kepentingan pertemuan Umno-PAS mengenai perpaduan Melayu.

Katanya hanya melalui satu rencana khas yang beliau akan tulis tidak lama lagi, beliau akan dapat memberi komen secukupnya tentang betapa pentingnya pertemuan itu bagi bangsa Melayu.

"Saya tidak mahu beri komen mengenai kepentingan pertemuan itu (sekarang) kerana untuk dimuatkan dalam akhbar esok tidak mencukupi," katanya ketika ditemui selepas majlis diskusi buku "Kisah Kayu" di Universiti Malaya (UM) hari ini.

Diskusi "Kisah Kayu" membicarakan tentang jenaka dalam masyarakat Melayu dan turut disertai Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said, Dekan Fakulti Pergigian UM Prof Datuk Dr Hashim Yaacob dan penyanyi Aishah.

Ungku Aziz sebelum ini bersetuju untuk menjadi moderator debat antara Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammudin Tun Hussein dan Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar. Bagaimanapun debat itu dibatalkan berikutan cadangan kedua-dua parti mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu perpaduan Melayu.

Semasa ditanya pendapatnya mengenai pertemuan Umno-PAS itu, secara ringkas Ungku Aziz menjawab ia baik untuk tujuan bermuzakarah.

Bagaimanapun, menurut beliau pertemuan itu seperti tarian "Tango", ia tidak akan berjaya tanpa persetujuan kedua-dua pihak.

"Sekurang-kurangnya 20,000 patah perkataan saya perlu gunakan untuk menjelaskan sama ada pertemuan itu harus atau tidak," katanya.

Pertemuan yang dicadangkan oleh Umno itu belum terlaksana selepas PAS menanggukannya dan memberikan tiga prasyarat bagi dipenuhi sebelum ia diadakan iaitu kerajaan mengembalikan royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, membenarkan Harakah diterbitkan dua kali seminggu dan memansuhkan usaha untuk melarang penggunaan perkataan Islam pada nama pertubuhan termasuk parti politik.

PAS sebelum itu menyatakan pendiriannya bahawa agenda pertemuan formal itu hendaklah merangkumi soal kedudukan agama Islam, demokrasi, kehakiman dan ekonomi.

Pada Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat penjelasan bahawa pertemuan Umno-PAS itu adalah bagi membincangkan perkara membabitkan kepentingan orang Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

-- BERNAMA

SLR DC RON